

ASAS KEUSAHAWANAN

ETR 300

STARLEN BAKERY

DIP. PENGLURUSAN PERNIAGAAN

ITM CAW. MELAKA

NOV-APRIL 1998



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:
Surat Tuan:
Surat Kami:

21hb. November 1997

100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya dibawah adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, di Institut Teknologi MARA, Cawangan Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Jalaludin Mat Shukor	95514875
2.	Nor Izam Mamud	95231440
3.	Raja Rafinaz Raja Jaafar	95991707
4.	Rasheila Harun	95993413
5.	Salina Buang	95992529

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan memberikan kerjasama yang diperlukan. Semua maklumat yang diterima akan digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

SHAHARIAH HJ OSMAN
Ketua Kursus DBS
ITM Melaka
b/p Pengetua

SURAT PENYERAHAN

Diploma Pengajian Perniagaan
Institut Teknologi Mara Cawangan Melaka
Km 26, Jalan Lendu
78000 Alor gajah
Melaka

6 Mac, 1998

Puan Zaiton Mahmud
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR300)
Institut Teknologi Mara Cawangan Melaka
Km 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Puan,

Per: PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas bersama-sama ini dilampirkan satu projek rancangan perniagaan untuk membuka sebuah perusahaan pembuatan yang diberi nama *Starlen Bakery* beralamat di Pt. 919 Taman Intekma, Mukim Sungai Petai, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Ini adalah sebahagian daripada syarat untuk memenuhi matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR300). Di samping itu kami

dapat menggunakan pengalaman ini apabila kami mendapat Diploma kelak untuk menceburkan diri dalam perniagaan tersebut. Bersama-sama ini kami sertakan kertas kerja Rancangan Perniagaan kami yang memuatkan bahagian-bahagian penting projek mengikut arahan, tatacara dan prosedur yang telah ditetapkan.

Di sini juga kami mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Puan di atas segala nasihat dan tunjuk ajar Puan di dalam menyediakan rancangan perniagaan ini.


Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
Jalaludin b. Mat Shukor
K/P ITM: 95514875

.....
Nor Izam bin Mamud
K/P ITM: 95231440

.....
Raja Rafinaz bte. Raja Jaafar
K/P ITM: 95991707


.....
Rasheila binti Harun
K/P ITM: 95993413

.....
Salina binti Buang
K/P ITM: 95992529

1.0 PENGENALAN

Bidang perniagaan adalah merupakan satu kegiatan ekonomi yang telah dijalankan bertujuan mendapatkan keuntungan yang semaksima mungkin dengan menggunakan kos yang paling minima.

Projek Rancangan Perniagaan ini adalah merupakan rancangan bersama untuk menubuhkan perniagaan yang pada masa sekarang ini mempunyai permintaan yang menggalakkan dari masyarakat.

Tujuan penubuhan Bakery ini adalah untuk memperluaskan lagi bidang perniagaan yang melibatkan pembuatan roti, kek dan pastri. Kami berharap agar kami dapat memuaskan hati para pelanggan dan bersaing secara sihat dengan syarikat-syarikat yang lain.

Perniagaan ini akan ditubuhkan pada 1 Januari 2002 dan akan beroperasi di Pt. 919 Taman Intekma, Mukim sungai Petai, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Kami yakin perniagaan ini akan menghasilkan keuntungan yang menggalakkan berdasarkan kepada perniagaan-perniagaan yang dijalankan sebelum ini.